

## Peranan dan Cabaran Felo dalam Menjaga Keberkesanan Aktiviti dan Kebajikan Pelajar di Kolej Tun Perak, Universiti Putra Malaysia

Seca Gandaseca, Mohd. Hafiz Mohd. Zaid, Rozita Wahab, Askina Abd. Aziz  
Muhammad Khalis Abd. Karim & Ahmad Shukri Muhammad Noor  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

### ABSTRAK

Kolej Tun Perak (KTP) selain berfungsi sebagai kolej kediaman pelajar-pelajar dari pelbagai fakulti di UPM, KTP juga adalah satu kolej yang dikhaskan sebagai kolej kediaman pelajar-pelajar yang menjadi ahli KOR SUKSIS UPM. Tujuan kajian ini adalah untuk meninjau pandangan pelajar terhadap peranan felo sedia ada KTP UPM dalam menjaga keberkesanan aktiviti dan kebajikan pelajar di KTP. Kajian ini melibatkan 55 orang pelajar dan 5 orang staf pengurusan KTP. Data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS (Statistical Package for Social Science, Version 25.0). Hasil kajian ini mendapati 38.33% responden berpendapat bahawa peranan felo yang paling utama adalah menjaga kebajikan pelajar dalam kes-kes kecemasan, kemalangan dan lain-lain, seterusnya 26.67% dalam mengawal dan menilai rancangan aktiviti yang dirangka oleh pelajar serta pentadbiran, dan 25% responden berpendapat felo perlu memimpin pelajar ke arah pencapaian cemerlang dalam akademik, sahsiah dan fizikal selaras dengan matlamat universiti. Terdapat perbezaan yang ketara kajian terhadap peranan felo sedia ada oleh responden mengikut kelima-lima status responden ( $p < 0.05$ ), manakala berdasarkan tahun pengajian pelajar tidak menunjukkan perbezaan yang ketara ( $p > 0.005$ ). Dapat disimpulkan bahawa pelajar dan staf pengurusan KTP secara amnya berpendapat bahawa felo sedia ada telah menjalankan peranannya dengan cukup baik, dengan ruang penambahbaikan masih luas dalam menjaga aktiviti dan kebajikan pelajar disamping tanggungjawab kepada universiti amnya dan koleh khususnya tercapai.

**Kata kunci:** peranan felo, cabaran, mtm, suksis, pelajar biasa, keberkesanan aktiviti

### PENGENALAN

Universiti Putra Malaysia (UPM) yang dahulunya juga dikenali sebagai Universiti Pertanian Malaysia merupakan institusi pengajian tinggi awam yang terbaik di Malaysia. UPM telah menyediakan kemudahan dari segi bahan ilmiah dan infrastruktur bagi membantu para pelajar di universiti untuk menjalankan aktiviti akademik dan ko-kurikulum. Misi utama UPM adalah untuk memberikan sumbangan bermakna kepada pembentukan kekayaan dan pembangunan negara serta kemajuan manusia sejagat menerusi penerokaan dan penyebaran ilmu. UPM juga merupakan sebuah institusi pengajian tinggi awam yang menyediakan pelbagai kemudahan dan perkhidmatan yang terkini untuk kegunaan pelajar bagi meningkat pembangunan akademik, rohani dan sahsiah dalam aktiviti pembelajaran pelajar. Pelbagai program pembangunan pelajar

telah dirancang dan dilaksanakan di semua peringkat sama ada di peringkat kolej-kolej kediaman, fakulti dan universiti dengan tujuan untuk melahirkan pelajar yang cemerlang dalam akademik, mempertingkatkan kualiti dan daya saing pelajar serta menjadikan UPM sebuah universiti bereputasi antarabangsa.

Di UPM, terdapat 17 kolej kediaman untuk kemudahan pelajar. Salah satu fungsi utama kolej kediaman di sesebuah Institut Pengajian Tinggi Awam adalah menyediakan tempat tinggal kepada para pelajar adalah untuk menganjurkan aktiviti yang bermanfaat kepada para komuniti dan masyarakat. Namun begitu, aktiviti dan kaedah yang dijalankan adalah berbeza mengikut institusi, bergantung kepada kemampuan dan dana di sesebuah organisasi tersebut. Selain itu, dasar institusi yang terlibat dalam pelaksanaan aktiviti pelajar ini juga tidak sama. Oleh yang demikian, adalah sukar untuk menentukan institusi mana yang telah berjaya melaksanakan aktiviti pelajar dengan berkesan. Justeru, konvensyen ini merupakan peluang untuk bertukar-tukar pandangan dan pengalaman dalam melaksanakan aktiviti di institusi dan kolej kediaman masing-masing.

## **PENYATAAN MASALAH**

Peranan felo sangat penting dalam menjaga aktiviti pelajar di kolej kediaman, tetapi sejauh manakah keberkesanan peranan felo kolej kediaman itu berkualiti dan bermutu tinggi bagi pelajar KTP yang terdiri dari kumpulan pelajar KOR SUKSIS, majlis tertinggi mahasiswa (MTM) dan pelajar biasa. Sebagaimana kajian yang telah dijalankan oleh Zainal (1998) di dalam Lokman (2017), menyatakan kualiti kehidupan di kolej kediaman merupakan salah satu daripada lima faktor yang menyumbang kepada pembangunan pelajar seperti penginapan, kemudahan, pengurusan, aktiviti dan penglibatan. Permasalahannya adalah apakah felo sedia ada telah menjalankan peranan dan tugasnya dengan baik di Kolej Tun Perak, UPM.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini dirangka untuk meninjau peranan Felo di KTP UPM sebagai kolej kediaman pelajar biasa dan juga pelajar yang menjadi ahli KOR SUKSIS UPM, dalam menjaga keberkesanan aktiviti dan kebajikan pelajar di KTP UPM. Antara objektif utama kajian ini adalah:

1. Mengkaji peranan felo dalam menggalakkan aktiviti dan kebajikan pelajar di kolej.
2. Membezakan pandangan pelajar terhadap peranan Felo mengikut jantina, status pelajar dan tahun pengajian pelajar.
- 3.

Mengkaji cabaran felo dalam menjaga keberkesanan aktiviti dan kebajikan pelajar di KTP.

## **KOLEJ TUN PERAK - UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

Di dalam KTP (2017) dinyatakan bahawa, Kolej Tun Perak pada mulanya dinamakan dengan nama Kolej Kediaman Kelapan. Pada 8 Mac 1986, kolej ini telah diberikan nama baru iaitu Kolej Tun Perak (KTP) yang dirasmikan oleh Profesor Tan Sri Dato' Nayan Ariffin, Naib Canselor Universiti

Pertanian Malaysia. Kolej ini terletak di suatu kawasan tanah tinggi dan letaknya beberapa kilometer dari kawasan pengajian. Kolej Tun Perak mempunyai enam blok iaitu lima blok penginapan untuk para pelajarnya dan satu blok lagi ialah blok pentadbiran yang mempunyai pejabat pentadbiran, dewan dan surau.

Idea asal menggunakan nama-nama pahlawan Melayu yang terkenal ini adalah untuk menggambarkan sedikit sebanyak pemikiran dan tingkah laku penghuni kolej seperti berani, gagah, penuh ketabahan dan berketrampilan tinggi. Sejarah Melayu telah membuktikan Tun Perak merupakan seorang pentadbir dan pemikir yang agung dan berwawasan. Beliau mempunyai kewibawaan di dalam merancang dan mentadbir negeri Melaka semasa pemerintahan tiga orang sultan. Kewibawaan dan kebolehan yang cemerlang ini telah dicontohi oleh warga KTP.

Semua blok KTP telah dinamakan dengan nama pahlawan-pahlawan Melayu yang terkenal dalam sejarah Melayu dalam sejarah Melayu iaitu Jebat, Lekiu, Lekir, Tuah dan Kasturi. KTP merupakan kolej pertama yang memecahkan tradisi penamaan kolej-kolej kediaman di UPM dengan meletakkan nilai-nilai kemanusiaan di tempat sewajarnya. Empat daripada lima blok kediaman pelajar merupakan blok untuk penginapan siswi iaitu Lekir, Lekiu, Tuah dan Kasturi manakala satu lagi blok kediaman pelajar iaitu Jebat didiami para siswa. Pada masa ini, KTP selain berfungsi sebagai kolej kediaman pelajar-pelajar dari pelbagai fakulti di UPM, KTP juga adalah satu kolej yang dikhaskan sebagai kolej kediaman pelajar-pelajar yang menjadi ahli KOR SUKSIS UPM. Kemasukan pelajar ke dalam KOR SUKSIS ini adalah dari pelajar-pelajar KTP sendiri dan pelajar-pelajar dari semua Kolej yang ada di UPM (secara purata 50-70 setiap tahun pelajar yang diterima sebagai ahli KOR SUKSIS). Dengan demikian, KTP memiliki dua organisasi, iaitu: MTM dan KOR SUKSIS, di mana kedua-dua organisasi ini memiliki takwim aktiviti tersendiri.

## **KOR SUKSIS**

Penubuhan KOR SUKSIS di UPM mempunyai objektif seperti berikut:

1. Memberi pengetahuan dan kemahiran asas kepolisan.
2. Membina ketahanan fizikal dan mental yang tinggi sebagai seorang pegawai polis.
3. Menerapkan nilai-nilai murni, jati diri dan menyemai sikap positif kepada disiplin selaras budaya kepolisan yang diterap oleh Polis Diraja Malaysia.
4. Semangat berpasukan, setiakawan dan pengukuhan semangat membantu sesama rakan.
5. Menanam, mengukuh dan memperkasa sifat intergriti, amanah dan berhemah dalam menjalani kehidupan sebagai seorang warganegara yang berkualiti.
6. Memupuk semangat dan ilmu yang boleh memperkasakan keupayaan modal insan yang berguna kepada masyarakat dan Negara.
7. Memperkayakan dan menambah ilmu pengetahuan dalam pengajaran undang-undang dan kemahiran dalam mempertahankan diri.
8. Menanam nilai-nilai moral dan semangat cintakan bangsa dan Negara dalam usaha membentuk sebuah masyarakat Malaysia berasaskan pemikiran dan perlakuan pemikiran kelas pertama.

## TUGAS DAN PERANAN FELO

Felo-Felo kolej merupakan ahli-ahli pengurusan kolej yang bertanggungjawab membantu kolej membangunkan sahsiah dan kepemimpinan pelajar melalui aktiviti yang dianjurkan oleh pelajar (Syarifudin, 2017). Bagi memastikan kebajikan kesemua pelajar diambil kira dan keberkesanan aktiviti pelajar, sebanyak enam orang Felo dan seorang Ketua Felo telah dilantik di bawah seliaan seorang Pengetua. Setiap felo mempunyai tanggungjawab dalam blok masing-masing di mana setiap blok terdapat pelajar sekitar 250 hingga 300 orang pelajar. Namun begitu, felo tersebut dibantu oleh seorang pelajar yang telah dilantik sebagai Ketua Blok dan 4 pelajar Ketua Aras (setiap Blok memiliki 4 aras, bawah, satu, dua dan aras tiga). Oleh itu, setiap felo akan bekerjasama dengan pelajar Ketua Blok dan Ketua Aras dalam menjalankan tugas tanggung jawab dengan berkesan.

## TUGAS FELO

Adapun senarai tugas Felo adalah seperti berikut:

1. Menjadi penasihat jawatankuasa kecil peringkat kolej yang bertanggungjawab kepada aktiviti pelajar serta mengadakan perjumpaan bersama Jawatankuasa Kecil sekurang-kurangnya satu bulan sekali.
2. Memenuhi 40 jam sebulan *contact hour* bersama pelajar dan perlu mendapatkan pengesahan Pengetua.
3. Membantu Kolej dan Bahagian Hal Ehwal Pelajar dalam pembangunan akademik, sahsiah, menjaga keselamatan, kebajikan dan disiplin pelajar.
4. Mengambil tindakan yang sewajarnya bila timbul sesuatu kecemasan, kemalangan, kesibukan ataupun apabila seseorang pelajar jatuh sakit.
5. Sebagai saluran perhubungan antara staf dan pelajar di kolej untuk mewujudkan sesuatu persefahaman dan ketenteraman.

## PERANAN FELO

Di dalam KTP (2018) dinyatakan bahawa Felo dipertanggungjawabkan untuk menjaga kebajikan para pelajar yang tinggal di dalam kolej kediaman sepanjang pengajian mereka di UPM, serta menilai dan mengawal pelbagai aktiviti pelajar. Antara peranan Felo secara terperinci ialah:

1. Menjaga kebajikan pelajar dalam kes-kes kecemasan, kemalangan dan lain-lain.
2. Mengawal dan menilai rancangan aktiviti yang dirangka oleh pelajar.
3. Mengawal perkara-perkara yang berkaitan dengan pentadbiran.
4. Memastikan pelajar yang tinggal di dalam kolej mematuhi etika dan peraturan Universiti.
5. Bertanggungjawab di atas segala aktiviti pelajar yang tinggal di dalam kolej.
6. Memimpin pelajar ke arah pencapaian cemerlang dalam akademik, sahsiah dan fizikal selaras dengan matlamat universiti.

## KAEDAH KAJIAN TERHADAP PERANAN FELO


Satu set soal selidik telah dibuat berkenaan dengan peranan felo yang amat diperlukan oleh pelajar, pendapat pelajar terhadap kelebihan dan kelemahan felo sedia ada dan cadangan penambahbaikan peranan felo sedia ada. Soal selidik ini telah dihebahkan kepada sekitar 60 responden, iaitu seramai 55 pelajar KTP dan 5 staf pengurusan KTP.

### *Kajian Statistik*


Data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS (Statistical Package for Social Science, Version 25.0) (IBM, 2017). Berdasarkan Lokman (2017), data yang telah dikumpul dianalisis dalam bentuk kekerapan dan peratusan. Seterusnya, keseluruhan soal selidik yang terkumpul kemudian dianalisis menggunakan ANOVA untuk mengkaji ujibeza pandangan pelajar mahupun staf pengurusan terhadap peranan felo sedia ada KTP UPM dalam menjaga keberkesanan aktiviti dan kebajikan pelajar di KTP

## HASIL DAN PERBINCANGAN


Berdasarkan hasil kajian maklumbalas soal selidik yang telah diterima dari 55 pelajar KTP mengikut jantina, status pelajar (MTM, SUKSIS dan Pelajar Biasa) dan tahun pengajian pelajar, serta maklumbalas dari 5 staf pengurusan KTP. Rajah 1 menunjukkan 23.33% adalah responden dengan jantina lelaki dan selebihnya adalah responden perempuan. Rajah 2 menunjukkan peratusan responden berdasarkan status responden secara berturutan MTM, Suksis, Pelajar biasa, MTM-Suksis dan Staf adalah 21.67%, 18.33%, 28.33%, 23.33% dan 8.34%. Manakala, Rajah 3 menunjukkan peratusan responden berdasarkan tahun pengajian pelajar secara berturutan Tahun 1, 2, 3 dan 4 adalah 24.53%, 50.94%, 18.87% dan 5.66%.



Rajah 1. Peratusan Jantina Responden



Rajah 2. Peratusan Status Responden




Rajah 3. Peratusan Tahun Pengajian Pelajar

Jadual 1 dan Rajah 4 menunjukkan peranan Felo yang telah ditetapkan oleh UPM dan peranan felo yang amat diperlukan oleh pelajar adalah peranan felo dalam menjaga kebajikan pelajar dalam kes-kes kecemasan, kemalangan dan lain-lain (38.33%) dan mengawal dan menilai rancangan aktiviti yang dirangka oleh pelajar serta pentadbiran pelajar (26.67%).

**Jadual 1. Peranan Felo yang ditetapkan UPM dan peranan yang amat diperlukan pelajar**


Bil.	Peranan yang ditetapkan UPM	Peranan yang amat diperlukan pelajar	%
1	Menjaga kebajikan pelajar dalam kes-kes kecemasan, kemalangan dan lain-lain	A. Menjaga, prihatin, ambil tahu/berat, sedia dihubungi masa kecemasan dan membantu masalah, kebajikan dan keselamatan pelajar	38.33
2	Mengawal dan menilai rancangan aktiviti yang dirangka oleh pelajar.	B. Memantau, sokong, terlibat, hadir, membantu dan bekerjasama menjayakan program	26.67
3	Mengawal perkara-perkara yang berkaitan dengan pentadbiran.		
4	Memastikan pelajar yang tinggal di dalam kolej mematuhi etika dan peraturan Universiti.	C. Membuat rondaan, spot-check, penilaian merit secara adil, serta berlaku tegas dalam menentukan stay kolej bagi pelajar yang tidak aktif dan tiada sumbangan kepada kolej	5.00
5	Bertanggungjawab di atas segala aktiviti pelajar yang tinggal di dalam kolej.	D. Bertanggungjawab dan memainkan peranannya sbg Felo ke atas aktiviti pelajar	5.0
6	Memimpin pelajar ke arah pencapaian cemerlang dalam akademik, sahsiah dan fizikal selaras dengan matlamat universiti.	E. Pakar rujuk/tunjuk ajar/khidmat nasihat/motivasi F. Bantu dapatkan sumber kewangan/sponsor untuk program yang dijalankan pelajar G. Bersikap baik/ramah/mesra/dekat dengan pelajar/mcm abg-adik/ortu, Pemersatu pelajar.	8.33 6.67 10
			100



**Rajah 4. Peranan Felo yang amat diperlukan pelajar**

## ANALISIS MAKLUMBALAS RESPONDEN TERHADAP PERANAN FELO

Berdasarkan maklumbalas responden, maka peranan Felo sedia ada dapat dibahagikan kepada empat bahagian, iaitu: felo yang telah (4), cukup (3), kurang (2) dan tidak (1) memainkan peranannya dalam menjaga keberkesanan aktiviti dan kebajikan pelajar di kolej. Maklumbalas ini dianalisis mengikut jantina (1 Lelaki, 2 Perempuan), status responden (1 MTM, 2 Suksis, 3 Pelajar Biasa, 4 MTM-Biasa, 5 Staf Pengurusan Kolej) dan tahun pengajian pelajar (1 Tahun 1, 2 Tahun 2, 3 Tahun 3 dan 4 Tahun Akhir).



Rajah 5. Uji beza pendapat responden terhadap peran Felo sedia ada mengikut status responden (1 MTM, 2 Suksis, 3 Pelajar Biasa, 4 MTM-Suksis, 5 Staf Kolej)

Jadual 2. Hasil ANOVA peranan felo berdasarkan status responden


Dependent Variable: Peranan					
Source	Type III Sum of Squares	df	Mean Square	F	Sig.
Corrected Model	9.173 <sup>a</sup>	4	2.293	5.481	.001
Intercept	353.615	1	353.615	845.225	.000
<b>Status</b>	<b>9.173</b>	<b>4</b>	<b>2.293</b>	<b>5.481</b>	<b>.001</b>
Error	23.010	55	.418		
Total	475.000	60			
Corrected Total	32.183	59			

a. R Squared = .285 (Adjusted R Squared = .233)

Rajah 5 menunjukkan perbezaan pendapat responden terhadap peran Felo sedia ada mengikut status responden iaitu MTM, Suksis, Pelajar Biasa, MTM-Suksis dan Staf Kolej. Dari hasil analisis



mendapati pendapat diantara kelima-lima status responden menunjukkan perbezaan yang ketara ( $p < 0.05$ ), seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2. Bagaimanapun, perkara yang menarik adalah pelajar terlibat dalam MTM memiliki pendapat bahawa Felo sedia ada cukup memainkan peranannya dalam menjaga keberkesanan aktiviti dan kebajikan pelajar di kolej. Manakala, pelajar biasa yang tidak terlibat dalam MTM dan Staf Kolej memiliki pendapat bahawa Felo sedia ada kurang begitu memainkan peranannya sebagai Felo, utamanya dalam menjaga kebajikan dan keprihatinan terhadap masalah pelajar.



Rajah 6. Uji beza pendapat pelajar terhadap peranan Felo sedia ada mengikut tahun pengajian

Rajah 6 menunjukkan perbezaan pendapat pelajar terhadap peran Felo sedia ada mengikut tahun pengajian pelajar iaitu pelajar tahun 1, 2, 3 dan tahun akhir. Dari hasil analisis mendapati bahawa terdapat perbezaan pandangan diantara keempat-empat status pelajar terhadap peranan felo sedia namun tidak menunjukkan perbezaan yang ketara ( $p > 0.05$ ). Bagaimanapun, perkara yang menarik adalah pelajar tahun 1 dan 2 memiliki pendapat bahawa Felo sedia ada cukup memainkan peranannya dalam menjaga keberkesanan aktiviti dan kebajikan pelajar di kolej. Manakala, pelajar tahun akhir memiliki pendapat bahawa Felo sedia ada kurang begitu memainkan peranannya utamanya dalam menjaga kebajikan, kepekaan dan keprihatinan terhadap masalah pelajar tahun akhir.

### **CABARAN FELO KTP**

Berdasarkan hasil kajian dan perbincangan yang diperolehi, maka cabaran Felo KTP dalam menjaga keberkesanan aktiviti yang telah dirangka dan dirancang oleh pelajar adalah sebagai berikut:

1. Cabaran terhadap pandangan berbeza-beza daripada pelajar.
2. Pelbagai peranan yang harus dijalankan oleh seorang Felo

3. Cabaran menghadapi 4 kumpulan pelajar (MTM, Suksis, Pelajar Biasa dan MTM-Suksis )
4. Cabaran dalam menjaga keberkesanan aktiviti yang dijalankan pelajar
5. Cabaran menghadapi pelajar dari Generasi Z.
6. Pengurusan Masa Individu Felo (kerja hakiki, keluarga dan sebagai Felo)

Tidak dinafikan adanya kecenderungan felo lebih dekat dengan pelajar MTM. Oleh itu, menghadapi pandangan terhadap peranan felo yang cukup berbeza secara ketara di antara pelajar MTM dan pelajar biasa adalah menjadi cabaran tersendiri bagi felo untuk dapat memberi perhatian secara merata kepada semua pelajar, utamanya pelajar biasa dan pelajar KOR Suksis yang tidak terlibat MTM, serta cabaran seorang felo untuk lebih memainkan peranannya sebagaimana peranan yang dituntut oleh pelajar mahupun pihak pengurusan Kolej, agar felo boleh memberi peranan dalam setiap program aktiviti dan kebajikan pelajar di Kolej.

Menurut Tapscott (2008), generasi Z adalah golongan yang dilahirkan tahun 1998 hingga 2009. Generasi Z adalah generasi teknologi, di mana mereka telah mula melayari internet dan web seiring dengan usia mereka sejak mereka masih belum bercakap. Tamuri (2017) menyatakan bahawa pada zaman ini pelajar boleh mendapatkan informasi dan ilmu di hujung jari dengan mengakses internet di mana sahaja. Hal ini menjadi cabaran kepada peranan felo di kolej kediaman agar melengkapkan diri mereka dengan ilmu komunikasi menggunakan teknologi yang memadai, untuk meningkatkan keberkesanan dalam menjaga aktiviti dan kebajikan pelajar di kolej kediaman.

Seorang individu felo dicabar untuk memiliki pengurusan masa yang baik dan berkesan. Menurut Masdur (2017) setiap pendekatan pengurusan masa yang diambil, akan menjurus kepada perubahan pemikiran dan sikap seseorang. Begitu juga dengan amalan pengurusan masa yang bijak serta sistematik dalam kalangan felo akan membolehkan seseorang felo itu dapat menggunakan masa dengan sebaik-baiknya. Pengurusan masa bermaksud felo dapat mengawal penggunaan masa yang ada samada untuk menjalankan tugas hakiki di UPM, masa untuk keluarga dan masa yang diperlukan untuk menjalankan peranannya sebagai felo di kolej kediaman dengan cekap dan berkesan.

## **KESIMPULAN**

Dari hasil kajian ini dapat disimpulkan bahawa peranan felo yang paling diperlukan pelajar adalah peranan felo dalam menjaga kebajikan pelajar dalam kes-kes kecemasan, kemalangan dan lain-lain (38.33%), mengawal dan menilai rancangan aktiviti yang dirangka oleh pelajar serta pentadbiran pelajar (26.67%) dan memimpin pelajar ke arah pencapaian cemerlang dalam akademik, sahsiah dan fizikal selaras dengan matlamat university (25%). Pelajar dan staf pengurusan KTP secara amnya berpendapat bahawa felo sedia ada telah menjalankan peranannya dengan cukup baik, dengan ruang penambahbaikan masih luas dalam menjaga aktiviti dan kebajikan pelajar disamping tanggungjawab kepada universiti amnya dan kolej khususnya tercapai. Adapun Cabaran bagi Felo sedia ada adalah dalam memainkan peranan, tugas dan tanggungjawabnya dalam menjaga aktiviti dan kebajikan pelbagai kumpulan pelajar dan juga bertanggungjawab kepada Pengetua/Pengurus KTP.

## RUJUKAN

- IBM (2017). IBM SPSS Statistics 25 Core System. [ftp://public.dhe.ibm.com/software/analytics/spss/documentation/statistics/25.0/en/client/Manuals/IBM\\_SPSS\\_Statistics\\_Core\\_System\\_User\\_Guide.pdf](ftp://public.dhe.ibm.com/software/analytics/spss/documentation/statistics/25.0/en/client/Manuals/IBM_SPSS_Statistics_Core_System_User_Guide.pdf)
- KTP (2017). Sejarah Penubuhan Kolej Tun Perak Universiti Putra Malaysia. [http://www.ktp.upm.edu.my/about\\_us/introduction/sejarah\\_penubuhan\\_kolej-32303?L=bm](http://www.ktp.upm.edu.my/about_us/introduction/sejarah_penubuhan_kolej-32303?L=bm)
- KTP (2018). Pentadbiran dan Pengurusan Kolej Tun Perak, UPM. Felo Kolej [http://www.ktp.upm.edu.my/about\\_us/pentadbiran\\_dan\\_pengurusan\\_kolej/felo\\_kolej-32318?L=bm](http://www.ktp.upm.edu.my/about_us/pentadbiran_dan_pengurusan_kolej/felo_kolej-32318?L=bm)
- Lokman M.T dan Samsiha, M.N (2017). Penilaian Terhadap Peranan Pihak Pengurusan Kolej Kediaman dalam Mempertingkatkan Pembangunan Pembelajaran Pelajar: Tinjauan di Lima Buah Kolej Kediaman di Universiti Teknologi Malaysia. [http://eprints.utm.my/id/eprint/12045/1/Penilaian\\_Terdahap\\_Peranan\\_Pihak\\_Pengurusan\\_Kolej\\_Kediaman\\_Dalam\\_Mempertingkatkan\\_Pembangunan\\_Pembelajaran\\_Pelajar.pdf](http://eprints.utm.my/id/eprint/12045/1/Penilaian_Terdahap_Peranan_Pihak_Pengurusan_Kolej_Kediaman_Dalam_Mempertingkatkan_Pembangunan_Pembelajaran_Pelajar.pdf)
- Masdor, F. dan Faezanadia, M. (2017). Tinjauan Amalan Pengurusan Masa Dalam Kalangan Pelajar Kolej Komuniti Segamat, Johor. National Innovation and Invention Competition Through Exhibition (iCompEx'17)
- Syarifuddin, M.A, Khairul A. B dan Alene T (2017). Peranan Pengetua dan Felo dalam memantau aktiviti pelajar: Tinjauan terhadap unit kediaman luar kampus (UKLK). Unit Kediaman Luar Kampus. Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Universiti Pendidikan Sultan Idris. [http://eprints.utm.my/id/eprint/500/1/MohdSyariefudinAbdullah2006\\_Perananpengetuadanfelodalam.pdf](http://eprints.utm.my/id/eprint/500/1/MohdSyariefudinAbdullah2006_Perananpengetuadanfelodalam.pdf).
- Tamhuri, H. dan Hanani, N. H. (2017). Pembelajaran Abad ke 21 dalam Kepelbagaian Budaya: Harapan dan Cabaran. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).
- Taspcott, Don (2008). Grown Up Digital: How the Net Generation is Changing Your World. Columbus: McGraw-Hill.